

**THE RATIONALE OF HADITH ACCEPTANCE CRITERIA ACCORDING TO THE MUHADDITHIN: AN EXAMINATION OF THE MECHANISM FOR FILTERING WEAK AND FABRICATED HADITHS**

**RASIONAL SYARAT PENERIMAAN HADITH MENURUT PARA MUHADDITHIN: KAJIAN TERHADAP MEKANISME PENAPISAN HADITH DAIF DAN PALSU**

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi<sup>i</sup>, Ali Abdul Jalil<sup>ii</sup> & Muhammad Rozaimi Ramle<sup>iii</sup>

- <sup>i</sup> Pelajar Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS). dzuldzulraidi@gmail.com  
<sup>ii</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah, Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ). alijalil@unisiraj.edu.my  
<sup>iii</sup> Profesor Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, & Naib Canselor, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ). rector@unisiraj.edu.my

**Article Progress**

**Received:** 26 August 2025

**Revised:** 4 November 2025

**Accepted:** 30 December 2025

<b>Abstract</b>	<p><i>This study discusses the rationale behind the establishment of the conditions for a saḥīḥ (authentic) hadith according to the muḥaddithīn (hadith scholars), focusing on how these conditions function as a mechanism to filter out weak and fabricated hadiths. Although the conditions for a saḥīḥ hadith such as the continuity of the chain of narration (ittiṣāl al-sanad), the integrity of narrators, accuracy of memory, absence of shudhūdh (irregularity), and absence of hidden defects (‘illah) are often explained through technical definitions, this study argues that the underlying logic behind these five conditions has not been sufficiently explored as an integrated system that complements each other to screen problematic narrations. Using a qualitative approach based on textual analysis and a comparison of scholarly views, this study examines how each condition acts as a layered filter to prevent flawed reports from being accepted as authentic. The findings show that a deeper understanding of the rationale behind these conditions not only strengthens the discipline of hadith criticism but also helps to curb the spread of weak or fabricated narrations within the community. This study is expected to serve as a reference for improving the teaching of muṣṭalah al-ḥadīth by emphasising the wisdom behind these conditions.</i></p> <p><b>Keywords:</b> <i>Rationale, Saḥīḥ, Hadith, Muḥaddithīn, Criticism.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Kajian ini membincangkan rasional di sebalik penetapan syarat hadith sahih oleh para muḥaddithīn dengan memberi fokus kepada fungsinya sebagai mekanisme penapisan hadith lemah dan palsu. Walaupun syarat-syarat hadith sahih sering dijelaskan secara definisi teknikal seperti bersambung sanad, keadilan perawi, ketepatan hafalan, ketiadaan shudhūdh (kejanggalan) dan ketiadaan ‘illah (kecacatan tersembunyi), namun kajian ini berpandangan bahawa logik di sebalik kelima-lima syarat tersebut belum dibincangkan secara mendalam sebagai satu sistem yang saling melengkapi untuk menapis hadith bermasalah. Melalui analisis kualitatif berasaskan pendekatan tekstual dan perbandingan pandangan ulama hadith, kajian ini meneliti bagaimana</i></p>

	<p>setiap syarat berperanan sebagai 'penapis' berlapis yang dapat menghalang riwayat yang cacat daripada diterima sebagai sahih. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemahaman mendalam terhadap rasional syarat-syarat ini bukan sahaja mengukuhkan disiplin kritik hadith, malah dapat membantu mengekang penuluran riwayat yang lemah atau palsu dalam masyarakat. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan untuk memperkukuh pengajaran ilmu Muṣṭalah hadith dengan memberi penekanan kepada hikmah di sebalik penetapan syarat-syarat tersebut.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Rasional, Sahih, Hadith, Muḥaddithin, Kritik.</p>
--	---

## PENDAHULUAN

Hadith Nabi SAW merupakan sumber kedua terpenting dalam Islam selepas al-Quran dan menjadi asas utama dalam pembentukan hukum, akhlak, serta panduan hidup umat Islam (Muhiden Abd. Rahman, 1996). Oleh kerana kedudukannya yang begitu tinggi, ulama hadith memberi perhatian serius terhadap proses penapisan dan penilaian riwayat untuk memastikan bahawa hanya hadith yang benar-benar *sahīḥ* dapat diterima sebagai hujah syarak (Kementerian dalam Negeri, 2021; Mohd Farhan et al., 2021).

Justeru, syarat-syarat penerimaan hadith yang dirumuskan oleh para *muḥaddithīn* bukan sahaja mencerminkan keprihatinan terhadap kesahihan sunnah, bahkan menjadi sistem ilmiah yang unik dalam tradisi intelektual Islam. Secara umumnya, para *muḥaddithīn* menetapkan lima syarat utama bagi menentukan kesahihan sesuatu hadith:

**i. Ittiṣāl Al-Sanad (Bersambung Sanad)**

Setiap perawi dalam rangkaian sanad mestilah mengambil riwayat secara langsung daripada gurunya tanpa sebarang terputus. Ia penting untuk memastikan kesinambungan periwayatan tidak terganggu dan sumber riwayat dapat dipastikan dengan jelas (al-ʿAsqalānī, 2000; al-Ṣāliḥ, 1984).

**ii. ʿAdālah al-Rāwī (Perawi Adil)**

Setiap perawi mestilah memiliki sifat amanah, taqwa, dan menjaga maruah diri daripada sifat fasik atau maksiat yang boleh menjejaskan kredibiliti periwayatan. Nilai keadilan ini memberikan jaminan bahawa riwayat tidak diselewengkan kerana kepentingan peribadi.

**iii. Dābit al-Rāwī (Perawi Dābit)**

*Dābit* merujuk kepada kemampuan perawi menghafal dengan tepat atau mencatat secara teliti riwayat yang diterimanya. Perawi yang lemah hafalan atau banyak melakukan kesilapan dalam riwayat tidak boleh diterima kerana risiko berlakunya kesilapan hadith (ʿAsqalānī, 2000; al-Sakhāwī, 2010).

**iv. ʿAdam al-Shāz (Ketiadaan Shāz)**

Sesuatu hadith tidak boleh bercanggah dengan riwayat perawi yang lebih *thiqah* atau lebih ramai dari segi periwayatan. Syarat ini penting bagi mengelakkan hadith yang menyimpang atau janggal daripada diterima sebagai hujah (al-Nawawī, 1985; al-Suyūṭī, 2010).

**v. ʿAdam al-ʿIllah (Ketiadaan ʿIllah)**

Hadith mestilah selamat daripada sebarang kecacatan tersembunyi yang hanya dapat dikenal pasti melalui penelitian mendalam dan perbandingan antara riwayat oleh para pakar. Kecacatan ini boleh berlaku pada sanad atau matan dan boleh menjejaskan status kesahihan hadith walaupun secara zahirnya kelihatan *sahīḥ* (ʿAsqalānī, 2000).

Melalui kelima-lima syarat ini, para *muḥaddithīn* telah meletakkan asas yang kukuh dalam menjaga keaslian sunnah. Sistem ini menunjukkan ketelitian mereka dalam mengawal sumber ajaran Islam daripada dipengaruhi oleh riwayat yang dhaif apatah lagi yang palsu (Sulaiman, I., 1997). Walaupun syarat-syarat penerimaan hadith telah dibahas secara meluas dalam kitab-kitab *muṣṭalah al-ḥadīth*, persoalan yang timbul

ialah mengenai rasional di sebalik penetapan syarat-syarat tersebut dan bagaimana ia dipraktikkan dalam sejarah perkembangan ilmu hadith.

Kebanyakan perbincangan hanya menekankan definisi dan penerangan teori, tanpa menelusuri logik pemikiran para *muḥaddithīn* ketika mereka membangunkan disiplin ini.

Justeru kajian melihat penyelidikan ini perlu dijalankan bagi:

- i. Menjelaskan rasional syarat penerimaan hadith dari sudut epistemologi Islam, iaitu bagaimana syarat ini berfungsi sebagai mekanisme menjaga ketulenan ilmu.
- ii. Menghubungkan antara teori *Muṣṭalah* dengan praktik realiti sejarah, iaitu bagaimana ulama silam menilai, menapis, dan mengklasifikasikan riwayat berdasarkan lima syarat ini.
- iii. Mengisi jurang dalam kajian semasa yang lebih banyak memberi fokus kepada definisi teknikal, tetapi kurang menekankan falsafah dan hikmah di sebalik syarat-syarat tersebut.
- iv. Memberikan sumbangan kepada kefahaman masyarakat akademik moden tentang ketelitian sistem hadith Islam, seterusnya menolak dakwaan bahawa disiplin ini tidak berasaskan logik atau rasional kritis.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana pendekatan ini paling sesuai untuk memahami isu secara mendalam, khususnya dalam meneliti rasional dan logik di sebalik penetapan syarat penerimaan hadith oleh para *muḥaddithīn*. Pendekatan kualitatif membolehkan peneliti menelusuri pemikiran, metodologi, dan praktikal ulama silam dalam menapis hadith dhaif dan palsu, serta menghubungkannya dengan kerangka epistemologi Islam (Ahmad Sunawari Long, 2015; Idris, 2018; Jamil, 2019).

Dari segi pengumpulan data, kajian ini menggunakan metode dokumentasi dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan disiplin *muṣṭalah al-ḥadīth* dan karya-karya klasik *muḥaddithīn*. Sumber primer melibatkan kitab-kitab hadith utama dan karya ulama hadith seperti *al-Kifayah* oleh al-Khatīb al-Baghdādī, *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* serta kitab rijal dan *jarh wa ta'dīl*.

Sumber sekunder pula terdiri daripada kajian kontemporari berbentuk artikel jurnal, tesis, disertasi, serta buku moden yang membincangkan teori dan metodologi kritik hadith. Akses sumber diperoleh melalui perpustakaan fizikal, koleksi peribadi, perpustakaan digital seperti *al-Maktabah al-Shāmilah*, dan pangkalan data akademik dalam talian.

Dalam proses analisis, kajian ini menggunakan analisis kandungan (*content analysis*) untuk mengenal pasti perbincangan ulama mengenai kelima-lima syarat hadith sahih. Melalui kaedah ini, kajian dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai logik kritis di sebalik disiplin hadith, serta menilai sejauh mana syarat-syarat penerimaan hadith bukan sahaja berfungsi secara teori tetapi juga diamalkan secara praktikal dalam tradisi keilmuan Islam.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

### Konsep Asas Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*

*Ulūm al-Ḥadīth* secara umumnya terbahagi kepada tiga cabang ilmu utama, iaitu *Riwāyat al-Ḥadīth*, *Dirāyat Sanad al-Ḥadīth*, dan *Dirāyat Matn al-Ḥadīth* (Bayanuni & Abdul Manas, 2022). Cabang *Dirāyat Sanad al-Ḥadīth* memberi fokus kepada kajian keadaan perawi dan sanad hadith bagi menentukan sama ada sesuatu hadith boleh diterima atau ditolak (Dzulfaidhi Dzulraidi, 2024). Bagi mencapai tujuan tersebut, beberapa subjek perlu dipelajari secara berperingkat, antaranya *Muṣṭalah al-Ḥadīth*, *al-Jarh wa al-Ta'dīl*, *Dirāsāt al-Asānid*, dan *Ḥal al-Ḥadīth*. Rujuk jadual di bawah:

**Jadual 1: Kerangka Konseptual 'Ulūm al-Ḥadīth**

<b>Riwāyah</b>	<b>Dirāyah Sanadiyyah</b>	<b>Dirāyah Matniyyah</b>
Praktis periwayatan hadith melalui tiga konsep utama pengajian. 1. Majlis <i>sama'</i> 2. Majlis <i>ta'liq</i> 3. Majlis <i>talaqqi</i>	Perbincangan berkenaan teknikal sanad. 1. <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i> 2. <i>Al-Jarh wa al-Ta'dīl</i> 3. <i>Dirāsah al-Asānid</i> 4. <i>'Ilal al-Ḥadīth</i>	Perbincangan berkenaan teknikal matan. 1. Ilmu <i>Syarh al-Ḥadīth</i> 2. Ilmu <i>Sabab Wurūd al-Ḥadīth</i> 3. Ilmu <i>Mukhtalif al-Ḥadīth</i> dan <i>Musykil al-Ḥadīth</i> 4. Ilmu <i>al-Nāsikh wa al-Mansūkh fī al-Ḥadīth</i> 5. Ilmu <i>Gharīb al-Ḥadīth</i>

Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* secara khusus merupakan ilmu alat yang mengumpulkan istilah-istilah teknikal yang digunakan oleh para *muhaddithīn* dalam perbincangan hadith mereka. Ia menjadi medium penting untuk menapis dan menyaring maklumat dalam pengajian hadith, selain membantu para pelajar memahami bahasa khusus yang digunakan oleh ahli hadith (Syed Hassan et al., 2021). Dalam tradisi keilmuan, *Muṣṭalah al-ḥadīth* juga dikenali dengan istilah lain seperti Usūl al-Ḥadīth dan Ulūm al-Ḥadīth (Mohd Sobali et al., 2011).

Penggunaan istilah khusus ini lahir daripada keperluan mendesak untuk menyeragamkan kefahaman antara para ulama, menjimatkan masa dalam perbincangan, dan memudahkan penyampaian maklumat dalam bidang riwayat hadith (al-Khaḍar, 2015). Faktor ini menjadi asas kepada pembinaan terminologi yang tersusun dalam *Muṣṭalah al-Ḥadīth*, yang akhirnya menjadi kerangka rujukan utama dalam analisis hadith.

Dalam perbincangan ilmu ini, istilah-istilah *Muṣṭalah al-Ḥadīth* boleh diklasifikasikan kepada beberapa kumpulan berdasarkan fungsi dan rujukannya antaranya:

- Istilah yang merujuk kepada sandaran hadith; seperti *marfū'* (disandarkan kepada Nabi SAW), *mawqūf* (disandarkan kepada sahabat), dan *maqṭū'* (disandarkan kepada tābi'in).
- Istilah yang merujuk kepada keterputusan sanad; seperti *mursal* (sanad terputus pada tabi'in), *mu'allaq* (sanad digugurkan dari awal), *munqaṭi'* (sanad terputus secara umum), dan *mu'dal* (terputus dua perawi berturut-turut).
- Istilah yang merujuk kepada status penerimaan atau penolakan hadith; seperti sahih, hasan, daif dan mawdū'.

Dan banyak lagi klasifikasi istilah hadith untuk disenaraikan (Dzulraidi, 2024). Pengklasifikasian ini mencerminkan keluasan dan ketelitian bidang *Muṣṭalah al-Ḥadīth* dalam memastikan keaslian riwayat hadith dapat dipastikan melalui disiplin istilah yang ketat.

Dalam konteks kajian ini, *Muṣṭalah al-Ḥadīth* mempunyai kedudukan yang sangat penting kerana kelima-lima syarat penerimaan hadith iaitu *ittiṣāl al-sanad*, *'adālah al-rāwī*, *dhabṭ al-rāwī*, selamat daripada *syāz*, dan selamat daripada *'illah* sebenarnya lahir daripada kerangka disiplin *Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Tanpa sistem terminologi yang tersusun, para *muhaddithīn* tidak akan mampu membina asas metodologi bagi menilai kesahihan sesuatu riwayat. Justeru, *Muṣṭalah al-Ḥadīth* bukan sekadar ilmu teknikal bahkan ia menjadi landasan epistemologi dalam usaha memelihara keaslian sunnah.

Selain itu, perbincangan mengenai istilah seperti sahih, hasan dan dhaif yang mewakili kategori penerimaan dan penolakan hadith membuktikan bahawa syarat-syarat yang ditetapkan bukan bersifat teori semata-mata, sebaliknya berakar daripada pengalaman praktikal para *muhaddithīn* dalam menapis riwayat. Kajian ini berusaha menyingkap kembali logik di sebalik penetapan syarat-syarat tersebut dengan menelusuri sama ada ia

lahir daripada keperluan praktikal pada zaman periwayatan atau merupakan pembinaan teori pada peringkat kemudian.

Hal ini memperlihatkan bahawa *Muṣṭalah al-Ḥadīth* bukan sekadar ilmu alat tetapi juga medan yang menghubungkan rasional ilmiah dengan praktikal sejarah.

### KRITERIA PENERIMAAN HADITH SEBELUM KEMUCULAN HADITH PALSU DAN PASCA KEMUNCULAN HADITH PALSU

Pada zaman Rasulullah SAW, umat Islam merujuk Baginda secara langsung dalam setiap urusan yang memerlukan jawapan atau bimbingan. Segala permasalahan diselesaikan melalui wahyu Allah SWT atau hadith Baginda SAW. Pada ketika itu, semua hadith Nabi kekal suci daripada unsur pendustaan kerana umat Islam masih hidup bersama Rasulullah SAW dan menyaksikan secara langsung sabda serta perbuatan Baginda (Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, 1988). Justeru, kriteria penerimaan hadith pada fasa awal ini lebih bersifat mudah kerana tidak wujud keraguan terhadap keaslian periwayatan.

Keadaan ini mula berubah selepas kewafatan Rasulullah SAW. Bermulanya penciptaan hadith *mawdu'* berlaku pada era selepas perlantikan Sayyidina 'Uthmān RA sebagai khalifah (Muhammad Abū Zahw, t.t). Fenomena ini memuncak pada zaman pemerintahan Sayyidina 'Ali RA apabila tercetusnya konflik politik besar seperti peperangan Siffin antara beliau dan Mu'awiyah Ibn Abū Sufyān RA.

Pertembungan ini melahirkan pelbagai kumpulan politik dan keagamaan seperti *Syiah* dan *Khawārij* yang menggunakan hadith-hadith rekaan untuk menyokong kedudukan pemimpin atau kelompok mereka. Mereka mencipta riwayat yang mengagungkan tokoh tertentu setelah mendapati tiada nas daripada al-Quran atau hadith *ṣaḥīḥ* yang menyokong kepentingan mereka.

Malah, kewujudan kumpulan ini turut menimbulkan fenomena pentafsiran al-Quran yang salah dengan metodologi *al-ra'y al-madhmum*, iaitu pentafsiran yang berasaskan hawa nafsu dan akal semata-mata tanpa berpaksikan kepada wahyu (Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, 1985). Pada peringkat awal, hadith-hadith palsu tertumpu kepada isu-isu politik seperti kelebihan empat khalifah, kelebihan pemimpin kelompok tertentu, dan tokoh-tokoh parti.

Namun, ia kemudian berkembang meliputi seluruh aspek kehidupan termasuk ibadah, muamalah, doa, rawatan, penyakit, sifat zuhud, bahkan kelebihan amalan tertentu (Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, 1999). Walaupun begitu, jumlah hadith palsu masih kecil pada abad pertama hijrah kerana sahabat dan tabi'in yang memiliki kekuatan hafalan dan kesetiaan yang tinggi terhadap Rasulullah SAW masih hidup.

Kedudukan mereka yang disanjung oleh al-Quran dan sabda Nabi SAW sebagai generasi terbaik membuktikan mustahil bagi mereka tergolong dalam kalangan yang memalsukan hadith (*Ṣaḥīḥ* al-Bukhari, hadith 6658). Perubahan besar dalam metod penerimaan hadith dapat dilihat apabila munculnya fenomena pemalsuan hadith ini. Riwayat yang dinukilkan daripada Ibn 'Abbas RA menunjukkan bagaimana sikap berhati-hati mula diambil dalam menapis riwayat. Beliau berkata:

جاء بشر بن كعب إلى ابن عباس فجعل يحدثه، فقال له ابن عباس: عُذْ لحدِيثِ كَذَا وكَذَا. فعاد له، ثم قال له: عُذْ لحدِيثِ كَذَا وكَذَا. فعاد له. فقال له بشر: ما أدري، أتعتمد إلى أن ترد علي حديثي، أم تحفظها؟ فقال: إنا كنا مرة إذا سمعنا رجلاً يقول: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم، ابتدرته أبصارنا وأصغينا إليه بآذاننا، فلما ركب الناس الصعب والذلول لم نأخذ من الناس إلا ما نعرف.

Maksudnya, *Bishr bin Ka'b* datang kepada *Ibn 'Abbas* lalu menceritakan kepadanya (*hadith-hadith*). Maka *Ibn 'Abbas* berkata kepadanya: "Ulangilah hadith sekian dan sekian." Lalu dia mengulangnya. Kemudian *Ibn 'Abbas* berkata lagi: "Ulangilah hadith sekian dan sekian." Lalu dia pun mengulangnya. Maka *Bishr* berkata kepadanya: "Aku tidak tahu, adakah engkau sengaja mahu menolak hadithku atau engkau benar-benar menghafalnya?" *Ibn 'Abbas* pun berkata: "Dahulu, apabila kami mendengar seseorang berkata: 'Rasulullah SAW bersabda,'

maka kami segera menumpukan pandangan kami kepadanya dan memberi sepenuh perhatian dengan telinga kami. Tetapi apabila manusia mula (mencampuradukkan) yang sukar dan yang mudah (yakni meriwayatkan secara tidak berhati-hati), maka kami tidak lagi mengambil daripada mereka kecuali apa yang kami benar-benar kenal (*ṣaḥīḥ*).

Begitu juga riwayat daripada Ibn Sirin yang menjelaskan peralihan metod ini. Beliau berkata:

عن ابن سيرين قال: لم يكونوا يسألون عن الإسناد، فلما وقعت الفتنة قالوا: سئموا لنا رجالكم، فيُنظر إلى أهل السنة فيؤخذ حديثهم، ويُنظر إلى أهل البدع فلا يؤخذ حديثهم.

Maksudnya, *Ibn Sirin* berkata, "Dahulu para salaf tidak bertanya mengenai sanad. Namun apabila berlaku fitnah, mereka mula berkata: Namakan kepada kami perawi-perawi kamu. Maka dilihatlah, jika perawi itu daripada kalangan ahli Sunnah hadithnya diterima, dan jika daripada ahli bid'ah, maka hadithnya ditolak."

Daripada dua riwayat ini dapat difahami bahawa kemunculan hadith palsu telah mengubah secara drastik kriteria penerimaan hadith. Sebelum fenomena ini, umat Islam menerima riwayat dengan penuh keyakinan kerana suasana masih bersih daripada pendustaan. Namun selepas tersebarnya hadith palsu, para sahabat dan tabi'in mula memperketatkan syarat penerimaan hadith dengan memeriksa sanad, meneliti keadilan perawi, menolak riwayat ahli bid'ah, dan akhirnya membina metodologi yang lebih sistematik.

Peralihan ini membuktikan bahawa syarat-syarat penerimaan hadith yang kemudiannya dibukukan dalam disiplin *Muṣṭalah al-Ḥadīth* sebenarnya berakar daripada pengalaman praktikal sejarah. Namun hal ini menimbulkan persoalan mengenai rasional perletakan syarat-syarat hadith *ṣaḥīḥ* bagi menapis segala riwayat bermasalah.

### **RASIONAL MUḤADDITHĪN DALAM PERLETAKAN SYARAT DITERIMA HADITH**

Ilmu hadith dibangunkan dengan sistem dan disiplin yang tersusun bagi memastikan sunnah Nabi SAW kekal asli serta bebas daripada penyelewengan. Antara sumbangan terpenting para *muḥaddithīn* ialah pembentukan lima syarat utama bagi memastikan kesahihan sesuatu riwayat, iaitu *ittiṣāl al-sanad*, *'adālah al-rāwī*, *dabt al-rāwī*, *'adam al-shāz*, dan *'adam al-'illah*. Kelima-lima syarat ini menjadi asas utama dalam menentukan sama ada sesebuah hadith boleh diterima sebagai hujah syarak atau ditolak.

Namun, syarat-syarat ini bukan sekadar rumusan teori yang muncul secara abstrak. Ia terbentuk hasil daripada gabungan dua faktor penting, iaitu keperluan praktikal dalam menapis riwayat pada zaman awal periwayatan hadith, serta rasional ilmiah yang bertujuan menjaga integriti ilmu. Dalam erti kata lain, syarat penerimaan hadith merupakan respon langsung terhadap cabaran sejarah seperti kemunculan hadith palsu, kelemahan hafalan sesetengah perawi, serta perbezaan riwayat yang menimbulkan keraguan.

Oleh itu, memahami rasional di sebalik setiap syarat memberikan gambaran bahawa disiplin *muṣṭalah al-ḥadīth* bukan sahaja membina kerangka teknikal, tetapi juga mencerminkan falsafah epistemologi Islam dalam menjaga sumber agama. Kajian ini akan menelusuri satu persatu syarat tersebut, dengan menyingkap logik dan hujah yang mendasarinya, serta bagaimana ia diaplikasikan dalam tradisi keilmuan *muhaddithīn*.

#### **1. Ittiṣāl Al-Sanad (Bersambung Sanad)**

Bersambung sanad bermaksud setiap perawi dalam sanad hendaklah menerima hadith daripada gurunya dan meriwayatkannya dengan salah satu cara periwayatan yang membolehkan dapat dipastikan bahawa perawi tersebut benar-benar menyampaikan hadith kepada orang yang mengambilnya daripadanya (Ibn Daqīq al-ʿĪd, 2010). Dengan kata lain, kesinambungan sanad menjadi asas utama dalam menilai kesahihan sesebuah riwayat

kerana ia membuktikan bahawa hadith tersebut dipindahkan daripada seorang perawi kepada perawi yang lain secara *ṣahīḥ* dan telus.

Sebenarnya sistem sanad dalam Islam telah diasaskan sekian lama. Menurut Ibn Sirin, selepas berlakunya peristiwa ifk iaitu fitnah yang menuduh 'Aishah RA berkelakuan curang dengan lelaki lain selain Rasulullah SAW yang membawa kepada penurunan ayat 11-13 dalam Surah al-Nur, sistem sanad mula diperluaskan. Pada waktu itu, setiap berita yang disampaikan tidak lagi diterima secara mutlak tetapi perlu diteliti dengan menilai siapa pembawa berita tersebut (Al-Suyūṭī, n.d). Al-Quran sendiri menegaskan kepentingan memastikan keabsahan maklumat melalui penilaian terhadap kualiti penyampai.

Penurunan ayat keenam daripada Surah al-Hujurat, khususnya berkaitan Walid bin 'Uqbah yang berdusta terhadap Rasulullah SAW, menjadi asas peringatan agar orang-orang beriman sentiasa memeriksa penyampai maklumat. Tujuannya ialah supaya tidak berlaku salah faham atau tindakan yang merugikan pihak lain akibat maklumat yang diterima tanpa penelitian (Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, 1995).

Riwayat daripada Abdullah bin al-Zubayr al-Humaydi turut menegaskan keutamaan syarat bersambung sanad sebagai ukuran utama kesahihan hadith. Beliau berkata:

وقال عبد الله بن الزبير الحميدي: "فإن قال قائل: فما الحديث الذي يثبت عن رسول الله ﷺ ويلزمنا الحجة به؟ قلت: هو أن يكون الحديث ثابتاً عن رسول الله ﷺ متصلاً غير مقطوع، معروفاً بالرجال، أو يكون حديثاً متصلاً، حديثه ثقة معروف، عن رجل جهلته، وعرفه الذي حدثني عنه، فيكون ثابتاً، يعرف من حديثه عنه، حتى يصل إلى النبي ﷺ".

Maksudnya, *Abdullah bin al-Zubair al-Humaydi* berkata: "Apabila ada yang bertanya: Apakah hadith yang *ṣahīḥ* itu? Maka aku menjawab: Hadith *ṣahīḥ* ialah hadith yang bersumber daripada Rasulullah SAW dengan sanad yang bersambung, diriwayatkan oleh perawi yang masyhur dan dikenali, atau hadith yang sanadnya bersambung dan diriwayatkan oleh perawi *thiqah* yang dikenali oleh gurunya serta diketahui siapa yang meriwayatkannya, sehingga riwayat itu sampai kepada Nabi SAW." (al-Ḥākim al-Naysābūrī, 1937).

Hal ini menunjukkan bahawa kesinambungan sanad merupakan asas utama dalam penentuan sama ada sesuatu riwayat boleh dikategorikan sebagai hadith *ṣahīḥ* atau tidak. Selain itu, Imam al-Zuhri (w. 125H) turut menekankan pentingnya penyebutan sanad dalam periwayatan. Beliau mencela mereka yang menyampaikan kisah atau peristiwa tanpa menyebut sanad dan berkata:

وعاب الإمام الزهري (ت ١٢٥ هـ) عدم الإسناد في غير ما موقف وقصة، يقول فيها لمن لا يسند: "ألا تسند حديثك! تحدثنا بأحاديث ليس لها خطم ولا أزيمة"

Maksudnya, "Imam al-Zuhri mencela mereka yang tidak menyebut sanad ketika meriwayatkan sesuatu peristiwa atau kisah. Beliau berkata kepada orang yang meriwayatkan tanpa sanad: Jangan kamu meriwayatkan hadith! Kamu menyampaikan kepada kami hadith-hadith yang tiada tulang belakang dan tiada sandarannya." (al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1987).

Daripada kenyataan Ibn Sirin, al-Humaydi, dan al-Zuhri dapat dilihat bahawa syarat bersambung sanad bukan sekadar satu disiplin teknikal, tetapi ia merupakan mekanisme tapisan pertama yang digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu dakwaan boleh dianggap sebagai hadith atau tidak. Mana-mana ucapan, kisah atau laporan yang tidak mempunyai sanad yang jelas secara automatik gugur daripada pertimbangan sebagai hadith.

Mekanisme ini berfungsi untuk menolak riwayat yang tidak mempunyai landasan periwayatan yang *ṣahīḥ* sejak peringkat awal, sebelum ia dianalisis dengan syarat lain seperti keadilan perawi atau ketepatan hafalan mereka. Justeru, *ittiṣāl al-sanad* berperanan

sebagai pagar awal yang memastikan hanya riwayat yang mempunyai kesinambungan rantaian perawi sahaja boleh dipertimbangkan sebagai hadith.

Peranannya yang asas ini juga menjelaskan mengapa *muḥaddithīn* sangat menekankan aspek sanad kerana ia menjadi asas penapisan dan langkah permulaan dalam proses pengesahan hadith. Hatim al-Awni (2020) menjelaskan bahawa penamaan rangkaian perawi hadith dengan istilah sanad sebenarnya sudah menggambarkan maksudnya yang sebenar.

Istilah ini berasal daripada makna bahasa Arab, iaitu sesuatu yang dijadikan sandaran atau tempat bergantung. Justeru, apabila seseorang berkata: "Ini sanadku," maksudnya ialah "Inilah sandaran dan pegangan aku. Maka oleh demikian, sesebuah hadith yang diriwayatkan tanpa sanad hanya dianggap dakwaan kosong dan tidak layak dianalisis.

## 2. 'Adālah Al-Rāwī (Perawi Adil)

Setelah syarat pertama iaitu *ittiṣāl al-sanad* memastikan sesuatu riwayat mempunyai sanad yang bersambung bagi menapis dakwaan kosong yang tidak layak dianalisis sebagai hadith, logik para *muḥaddithīn* seterusnya ialah menetapkan syarat '*adālah al-rāwī*. Syarat ini berfungsi untuk menapis hadith-hadith yang direka oleh golongan yang berniat jahat atau sengaja ingin memalsukan hadith. Oleh itu, penetapan syarat '*adālah* merupakan mekanisme yang paling tepat dalam membezakan antara hadith yang benar dengan riwayat palsu.

'*Adālah* didefinisikan sebagai sifat yang tetap dalam diri perawi yang mendorongnya untuk sentiasa berpegang dengan taqwa dan menjaga maruah diri. Ia adalah ringkasan kepada kekuatan agama dan kemuliaan akhlak yang tertanam dalam hati seseorang sehingga menghalangnya daripada melakukan dosa besar atau perkara yang boleh menyeret kepada dosa besar. Dengan kata lain, syarat '*adālah* memastikan perawi mempunyai pagar ketakwaan yang kukuh yang menahan dirinya daripada berdusta ke atas Nabi SAW (al-Ḥākim al-Naysābūrī, 1937; al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1987).

Hubungan antara syarat '*adālah* dan penapisan riwayat palsu sangat erat kerana seorang perawi yang adil tidak mungkin berdusta atas nama Nabi SAW. Perbuatan berdusta atas Baginda adalah dosa besar yang merosakkan sifat keadilan secara mutlak, begitu juga dengan perbuatan bid'ah yang jelas, kerana kedua-duanya termasuk dalam kategori dosa besar.

Justeru, pensyaratan '*adālah* lebih luas daripada sekadar memastikan perawi tidak dikenali sebagai pendusta. Seorang yang dikenal sebagai jujur dalam kehidupan seharian mungkin tetap berbohong dalam sebahagian keadaan, sedangkan syarat '*adālah* menuntut sifat agama dan ketakwaan yang memastikan dirinya tidak berdusta sama sekali. Oleh itu para *muḥaddithīn* menetapkan syarat '*adālah* yang lebih ketat berbanding hanya dikenali jujur dan amanah.

Ancaman keras terhadap perbuatan berdusta atas Nabi SAW menjadi asas syarat ini. Antaranya, hadith riwayat Abū Hurayrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

Maksudnya, "Sesiapa yang dengan sengaja berbohong atas namaku, maka dia telah menempah tempatnya di neraka." (Muslim Bin al Hajjāj, 1955).

Begitu juga riwayat daripada al-Mughīrah RA yang berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ كَذِبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَكَذِبِ عَلَيَّ أَحَدٍ، فَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

Maksudnya, "Sesungguhnya dusta atas namaku tidak sama seperti dusta atas orang lain. Sesiapa yang dengan sengaja berdusta atas namaku, maka dia telah menempah tempatnya di neraka" (Muslim Bin al Hajjāj, 1955).

Tambahan pula, Anas bin Mālik RA menjelaskan bahawa ancaman inilah yang membuatkan para sahabat sangat berhati-hati dalam menyampaikan hadith. Beliau berkata:

إِنَّهُ لَيَمْنَعُنِي أَنْ أُحَدِّثَكُمْ حَدِيثًا كَثِيرًا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ تَعَمَّدَ عَلَيَّ كَذِبًا فَلَيْتَبَوَّأَ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

Maksudnya, “*Sesungguhnya apa yang menghalang saya daripada menceritakan kepada kalian hadith yang banyak ialah ancaman Rasulullah SAW: Sesiapa yang dengan sengaja berdusta atas namaku, maka dia telah menempah tempatnya di neraka*” (Dzulfaidhi, 2024).

Daripada nas-nas ini jelas bahawa syarat ‘*adālah al-rāwī*’ merupakan benteng utama dalam menapis hadith palsu. Ia bukan sahaja menekankan integriti moral perawi, tetapi juga memastikan periwayatan hadith terpelihara daripada mereka yang mungkin berbohong kerana kepentingan politik, mazhab atau hawa nafsu. Inilah logik para *muhaddithīn* dalam memastikan bahawa hanya riwayat daripada perawi yang benar-benar adil dan berpegang dengan ketakwaan yang boleh diterima sebagai hujah syarak.

### 3. *Dabt al-Rāwī* (Perawi *Dābit*)

Setelah diaplikasikan syarat pertama iaitu *ittiṣāl al-sanad* dan syarat kedua iaitu ‘*adālah al-rāwī*’, para *muhaddithīn* telah menapis keseluruhan dakwaan kosong yang dinisbahkan kepada Nabi SAW serta hadith-hadith palsu yang sengaja direka. Namun demikian, masih wujud ruang berlakunya kesilapan yang tidak disengajakan oleh para perawi. Maka syarat ketiga, iaitu *dhabt al-rāwī*, diletakkan sebagai mekanisme untuk menapis riwayat-riwayat yang berpotensi besar mengandungi kesilapan sebelum ia tersebar kepada masyarakat.

*Dabt* ditakrifkan sebagai kemampuan perawi menyampaikan riwayat sebagaimana yang diterimanya, sama ada dari sudut lafaz mahupun makna (‘Asqalānī, 2000; al-Sakhāwī, 2010). Ia adalah sifat khusus yang menjadi ciri perawi yang boleh dijadikan sandaran dalam periwayatan. Oleh itu, syarat ini membawa maksud keselamatan riwayat daripada kesilapan, kerana menyampaikan sesuatu yang bercanggah dengan hakikat realiti merupakan bentuk kesilapan yang mungkin berlaku tanpa disengajakan.

Justeru, *dabt* berperanan memastikan riwayat selamat daripada kesilapan, sebagaimana syarat ‘*adālah*’ berperanan melindungi riwayat daripada kecacatan akibat pembohongan. Persoalan yang sering timbul di sini ialah mengapa para *muhaddithīn* tidak memadai dengan syarat ‘*adālah*’ semata-mata? Jika seseorang perawi dikenali sebagai tidak berdusta, mengapa riwayatnya tidak diterima secara mutlak?

Jawapannya, para *muhaddithīn* menekankan bahawa selain jujur, perawi juga perlu mempunyai tahap ketepatan yang tinggi dalam meriwayatkan. Jika seorang perawi jujur tetapi lemah hafalan, riwayatnya tidak boleh diterima tanpa penelitian lanjut. Oleh itu, jelaslah bahawa syarat ‘*adālah*’ sahaja tidak mencukupi, bahkan perlu digabungkan dengan syarat *dhabt*. Dengan kata lain, riwayat hanya boleh diterima apabila seorang perawi memiliki dua asas utama iaitu kejujuran dan ketepatan hafalan (Hātim al-Awnī, 2020).

Kepentingan syarat *dhabt* ini dapat dilihat dalam nas-nas berikut. Muhammad bin Abdullah bin Quhādh daripada penduduk Marw berkata:

قَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْمُبَارَكِ: قُلْتُ لِسُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ: إِنَّ عَبَادَ بْنَ كَثِيرٍ، وَقَدْ عَرَفْتُ أَمْرَهُ، يُحَدِّثُ بِأَحَادِيثٍ مُنْكَرَةٍ، أَفْتَرَى أَنْ يُقَالَ لِلنَّاسِ: لَا تَأْخُذُوا عَنْهُ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ ابْنُ الْمُبَارَكِ: فَكُنْتُ إِذَا كُنْتُ فِي مَجْلِسٍ فَذُكِرَ فِيهِ عَبَادٌ، أَتَيْتُ عَلَى دِينِهِ، وَأَقُولُ: لَا تَأْخُذُوا عَنْهُ الْحَدِيثِ.

Maksudnya, “*Abdullah bin al-Mubārak berkata: Aku berkata kepada Sufyān al-Thawrī, “Sesungguhnya ‘Abbād bin Kathīr, kamu juga mengetahui keadaannya, dia menyampaikan hadith-hadith yang bermasalah. Apakah engkau melihat perlu dikatakan kepada orang ramai: Jangan ambil hadith daripadanya?” Sufyan berkata: “Benar sekali.” Abdullah bin al-Mubārak berkata: Maka apabila aku berada di suatu majlis dan disebut nama ‘Abbād, aku*

memuji agamanya tetapi aku berkata: Jangan ambil hadith daripadanya. (Muslim Bin al Hajjāj, 1955).

Nas ini menjelaskan bahawa seseorang perawi boleh sahaja terkenal dengan agamanya, tetapi jika lemah hafalan dan sering meriwayatkan hadith-hadith munkar, riwayatnya tetap ditolak. Begitu juga dengan riwayat Nasr bin Ali al-Jahdamī yang berkata: عَنِ ابْنِ أَبِي الزِّنَادِ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: أَدْرَكْتُ بِالْمَدِينَةِ مِائَةَ كُلُّهُمْ يُؤْخَذُ بِقَوْلِهِ، وَمَا كَانَ يُؤْخَذُ عَنْهُمْ الْحَدِيثُ. يُقَالُ: لَيْسُوا مِنْ أَهْلِهِ.

Maksudnya: *Ibn Abī al-Zinād berkata: Aku bertemu dengan seratus orang di Madinah, setiap daripada mereka adalah tokoh ikutan namun hadith mereka tidak diriwayatkan. Dikatakan: Mereka bukan ahlinya untuk diambil hadith.* (Muslim Bin al Hajjāj, 1955).

Kenyataan ini membuktikan bahawa tidak semua tokoh yang disegani dalam masyarakat layak dijadikan sumber periwayatan hadith. Kelemahan dalam aspek dābit menyebabkan hadith mereka tidak diterima walaupun mereka dikenali sebagai orang yang soleh dan dihormati. Daripada hujah-hujah ini jelaslah bahawa syarat dābit memainkan peranan yang kritikal dalam disiplin hadith.

Ia bertindak sebagai penapis terhadap kemungkinan berlakunya kesilapan perawi, sama ada kerana kelemahan hafalan atau kecuai dalam menyampaikan riwayat. Dengan adanya syarat ini, para *muḥaddithīn* memastikan hanya riwayat yang benar-benar tepat dari segi lafaz dan makna yang dapat diterima sebagai hujah dalam agama.

#### 4. 'Adam Al-Shāz (Ketiadaan Shāz)

Setelah diaplikasikan syarat perawi yang *dābit*, maka riwayat yang berbaki adalah riwayat yang disampaikan oleh perawi-perawi adil dan baik hafalannya. Walaupun begitu, realitinya perawi yang paling kuat hafalannya juga tidak terlepas daripada kemungkinan melakukan kesilapan. Hal ini telah ditegaskan oleh Imam Malik yang menyatakan bahawa sesiapa yang mendakwa dirinya tidak pernah tersilap, sebenarnya dialah yang sedang melakukan kesilapan (Bāshāshir, 2015).

Dalam konteks syarat penerimaan hadith, *syāz* ditakrifkan sebagai periwayatan seorang perawi yang adil dan *dābit*, namun riwayatnya bercanggah dengan riwayat perawi lain yang lebih kuat hafalan serta lebih teliti dalam periwayatan sehingga para *muḥaddithīn* menilai bahawa riwayat tersebut adalah hasil kesilapan ('Asqalānī, 2000). Tidak dinafikan terdapat perbezaan pandangan di kalangan *muḥaddithīn* mengenai definisi sebenar bagi *syāz*, berikutan adalah tokoh seperti al-Zahabī dan Ibn Salāh memilih pandangan yang agak berbeza, namun asasnya ia merujuk kepada kejanggalan yang berlaku pada hadith disebabkan oleh kesilapan perawi (Ibn al-Salah, 1986).

Imam Muslim dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* menjelaskan bahawa tanda-tanda kejanggalan dalam riwayat seorang perawi dapat dilihat apabila periwayatannya bercanggah dengan riwayat perawi lain yang lebih kuat hafalannya dan lebih kukuh ingatannya. Sekiranya keadaan ini berlaku secara berterusan, perawi tersebut dianggap bermasalah dalam periwayatan, hadithnya ditolak, dan riwayatnya tidak digunakan sebagai hujah (Muslim Bin al Hajjāj, 1955).

Syarat ketiadaan *syāz* bukanlah syarat yang berkaitan dengan tuntutan keselamatan daripada dusta, kerana perawi telah ditapis dengan syarat '*adālah*'. Sebaliknya, ia berkait rapat dengan usaha menjaga hadith daripada kesilapan daripada perawi yang adil dan *dābit*. Oleh itu, syarat ini berfungsi sebagai mekanisme tambahan dalam menilai kesahihan riwayat. Ia bukan sekadar tuntutan logik, tetapi suatu prinsip yang berpaksikan metodologi ilmiah dalam disiplin hadith.

Kewujudan syarat ini juga berpunca daripada kenyataan bahawa perawi-perawi yang sama-sama meriwayatkan hadith daripada sanad yang sama kadang-kala berbeza dalam beberapa perincian, sama ada dari sudut lafaz ataupun sanad. Perbezaan tersebut

mengisyaratkan adanya kesilapan, walaupun kesemua mereka adalah perawi yang adil. Maka timbul persoalan: bagaimanakah cara untuk mengesan kesilapan jika semua perawi itu tsiqah? Jawapannya ialah dengan melakukan perbandingan antara riwayat mereka.

Jika seorang perawi yang adil dan dābith meriwayatkan sesuatu yang bercanggah dengan riwayat perawi lain yang lebih kuat, maka jelaslah bahawa riwayatnya tersilap (Hātim al-Awnī, 2020). Dengan itu, para *muḥaddithīn* menegaskan bahawa penilaian hadith tidak cukup hanya dengan syarat keadilan dan ketepatan hafalan semata-mata, tetapi mesti disertakan dengan perbandingan riwayat perawi tersebut dengan riwayat perawi lain. Kaedah ini bertujuan menilai sejauh mana tahap kekuatan hafalan dan ketelitian seorang perawi.

### 5. 'Adam al-'Illah (Ketiadaan 'Illah)

Syarat terakhir dalam penentuan kesahihan hadith ialah ketiadaan '*illah*. Ia merupakan mekanisme akhir yang hanya dapat dilakukan oleh pakar hadith untuk memastikan bahawa sesuatu riwayat benar-benar bersih daripada sebarang kecacatan yang tersembunyi. Perbezaan antara syarat tidak *syāz* dan tidak ber'*illah* adalah jelas. *Syāz* merujuk kepada periwayatan yang bercanggah dengan riwayat perawi yang lebih kuat hafalan dan ketelitiannya, manakala '*illah* pula ialah kecacatan tersembunyi yang hanya dapat dikesan melalui penelitian mendalam oleh para pakar hadith.

Secara definisi, '*illah* ialah sebab tersembunyi yang merosakkan kesahihan hadith walaupun zahirnya kelihatan *ṣaḥīḥ* ('Asqalānī, 2000). Hadith yang *mu'allal* ialah hadith yang apabila diteliti secara mendalam, ternyata mengandungi kecacatan yang tersembunyi, atau hadith yang pada zahirnya kelihatan *ṣaḥīḥ* tetapi setelah diperiksa dengan teliti didapati terdapat kecacatan yang menjejaskan kesahihannya.

Imam Muslim memberikan penjelasan yang halus mengenai perbezaan *Syāz* dan '*Illah* ini dalam *al-Tamyīz*. Beliau berkata:

*"Maka ketahuilah, semoga Allah memberikan petunjuk kepada kamu, bahawa tanda yang dapat diperhatikan untuk mengidentifikasi kesalahan dalam riwayat perawi hadith adalah ketika mereka meriwayatkan secara bercanggahan daripada dua sudut. Pertama adalah apabila perawi menyampaikan hadith dengan sanad, dia menyandarkan sanad tersebut kepada perawi yang salah atau berlaku kesilapan dalam penamaan perawi dalam sanad tersebut. Kesalahan semacam ini tidaklah tersembunyi daripada para ahli ilmu (walaupun bukan pakar) ketika mereka mengomentari riwayat yang mereka terima. (Kedua) Bentuk yang lain, ada sekelompok perawi ḥāfīz meriwayatkan daripada perawi seperti al-Zuhri atau imam-imam lainnya dengan bentuk sanad dan teks hadith yang sama. Mereka tidak berselisih dalam maknanya. Namun, ada individu atau kelompok perawi lain yang meriwayatkan daripada perawi yang sama tetapi bercanggah dengan kelompok ḥāfīz tadi baik dalam sanad mahupun teksnya menjadikannya berbeza dengan apa yang diriwayatkan oleh kelompok ḥāfīz tersebut".*

Berdasarkan huraian ini, Imam Muslim menjelaskan bahawa terdapat dua kategori kesilapan yang berlaku dalam hadith. Kesilapan pertama mudah dikesan oleh tokoh-tokoh hadith walaupun bukan pakar. Ini merujuk kepada masalah *syāz*. Manakala jenis kesilapan kedua adalah kesilapan yang sukar dikesan melainkan oleh para pakar hadith yang telah meneliti hadith sekian lama (Muslim Bin al Hajjāj, 1955).

Kekuatan syarat ini adalah kerana ia meningkatkan tahap keyakinan terhadap riwayat melebihi apa yang dicapai melalui syarat sebelumnya. Syarat ini juga memberikan hujah dan ketegasan tambahan bahawa sesuatu riwayat bukan sahaja kelihatan bersih daripada kesilapan secara zahir, tetapi telah disahkan pada tahap tertinggi melalui penelitian mendalam pakar hadith sehingga tiada kemungkinan berlaku kesilapan.

Kesimpulan daripada perbincangan ini diterjemahkan kepada bentuk peta minda seperti di bawah:

### Rajah 1: Peta Minda Mekanisme Syarat Penerimaan Hadith dalam Penapisan Riwayat Bermasalah



Daripada keseluruhan perbincangan, dapat difahami bahawa syarat-syarat yang digariskan oleh para *muḥaddithīn* bukanlah lahir secara arbitrari, sebaliknya dibina atas asas rasional ilmiah yang kukuh. Syarat-syarat tersebut berfungsi sebagai mekanisme penapisan berlapis yang memastikan setiap riwayat yang dinisbahkan kepada Nabi SAW benar-benar selamat daripada unsur kepalsuan, penyelewengan, dan kesilapan.

Bermula dengan syarat *ittisāl al-sanad* yang menolak dakwaan kosong tanpa kesinambungan periwayatan, kemudian diteruskan dengan syarat *ʿadālah al-rāwī* yang menapis riwayat daripada golongan fasik dan pemalsu, diikuti dengan syarat *dhābit al-rāwī* yang menapis perawi yang dikenali berkemungkinan besar melakukan kesilapan, seterusnya syarat selamat daripada *shāz* yang menapis kesilapan daripada perawi yang adil dan dābit, dan akhirnya syarat selamat daripada *ʿillah* yang merupakan semakan akhir melalui penelitian paling halus oleh pakar hadith.

Kelimitya membentuk satu sistem metodologi yang teratur dan bertahap. Sistem ini bukan sahaja menggabungkan pertimbangan logik dan rasional akal, tetapi juga berpaksikan disiplin ilmiah yang teliti. Melalui sistem ini, sunnah Rasulullah SAW dipelihara daripada pemalsuan dan penyelewengan, sekali gus membuktikan ketegasan para *muḥaddithīn* dalam menjaga kemurnian sumber ajaran Islam.

Justeru, syarat-syarat ini bukan sekadar peraturan teknikal, tetapi ia mencerminkan kesungguhan ilmuwan hadith dalam mengekalkan autoriti epistemologi hadith sebagai sumber kedua dalam syariat Islam selepas al-Quran.

#### PENUTUP

Berdasarkan analisis terhadap rasional *muḥaddithīn* dalam perletakan syarat penerimaan hadith sahih, didapati bahawa kelima-lima syarat utama iaitu *ittisāl al-sanad*, *ʿadālah al-rāwī*, *dhābit al-rāwī*, ketiadaan *syāz*, dan ketiadaan *ʿillah* bukanlah hasil rumusan teori yang bersifat arbitrari, sebaliknya lahir daripada pengalaman praktikal serta cabaran sejarah yang dihadapi oleh umat Islam pasca kewafatan Rasulullah SAW.

Setiap syarat berfungsi sebagai mekanisme penapisan berlapis, bermula dengan menolak dakwaan tanpa sanad, menyaring riwayat daripada perawi fasik, memastikan ketepatan hafalan, mengesan percanggahan riwayat, sehinggalah penelitian halus oleh pakar hadith untuk menyingkap kecacatan tersembunyi. Dapatan ini menunjukkan bahawa disiplin *muṣṭalah al-ḥadith* bukan sekadar kerangka teknikal, tetapi mencerminkan falsafah epistemologi Islam yang sangat teliti dalam memelihara kesahihan sunnah.

Ia juga membuktikan kesungguhan para *muḥaddithīn* untuk memastikan hadith Nabi SAW kekal asli dan bebas daripada sebarang bentuk pemalsuan, penyelewengan, dan kesilapan. Justeru, kajian ini mengukuhkan keyakinan bahawa syarat-syarat penerimaan hadith yang digariskan bukan sahaja berpaksikan logik ilmiah, bahkan menzahirkan kesepaduan antara metodologi kritis dan amanah agama dalam menjaga sumber hukum Islam yang kedua selepas al-Quran.

Sebagai cadangan, kajian lanjutan boleh meneliti penerapan syarat-syarat ini dalam karya-karya tokoh hadith tertentu seperti al-Bukhārī, Muslim, atau Ibn Ḥibbān, agar dapat memperlihatkan dengan lebih jelas dimensi praktikal penapisan hadith dalam tradisi *muḥaddithīn*. Kajian komparatif antara metodologi klasik dan pendekatan kontemporari juga akan membuka ruang bagi pemahaman yang lebih menyeluruh tentang kepentingan syarat-syarat ini dalam konteks pengajaran dan pengamalan ilmu hadith masa kini.

**RUJUKAN**

- Abd. Rahman, M. M. (1996). Al-Hadith: Kedudukan Dan Peranannya Dalam Islam. Jurnal Usuluddin, 4, 27–40. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3034>.
- Ahmad Sunawari Long. (2015). Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. T.tp: Penerbit UKM.
- al-‘Asqalānī, A. b. ‘Alī b. Muḥammad b. Ḥajar. (2000). *Nuzhah Al-Nazar Fī Tawḍīḥ Nukhbah Al-Fikr Fī Muṣṭalah Ahl Al-Athar* (Nūr al-Dīn ‘Itr, Ed.). Dimashq: Maṭba‘ah al-Ṣabāḥ.
- al-‘Awnī, H. b. ‘Ā. (2020). *Al-Usus al-‘Aqliyah li Manhaj Naqd al-Muhaddithīn*. Riyadh: Markaz Iḥyā’ li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt.
- al-Khaḍar, ‘A. A. (2015). *Muṣṭalah Al-Ḥadīth Qabl Al-Taṣnīf: Dirāsah Taḥlīliyyah Muqāranah*. Tesis kedoktoran. Tidak diterbitkan. Universiti Damsyik, Syria.
- al-Khaṭīb al-Baghdādī, A. b. A. b. Ṭ. b. A. b. M. (1987). *al-Kifāyah Fī ‘ilm Al-Riwāyah* (‘A. al-Surtī, Ed.; I. Ḥ. al-Madanī, Ta‘līq). Madinah: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- al-Nawawī, A. Z. Y. b. Sh. al-D. (1985). *al-Taqrīb Wa Al-Taysīr Li Ma‘rifat Sunan Al-Bashīr Al-Nadhīr Fī Uṣūl Al-Ḥadīth* (M. ‘U. al-Khashsh, Ed. & Comm.). Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- al-Sakhāwī, Sh. al-D. M. b. ‘Abd al-Raḥmān. (2010). *al-Qawl Al-Badī‘ Fī Al-Ṣalāh ‘alā Al-Ḥabīb Al-Shafī‘*. Cairo: Dār al-Rayyān li al-Turāth.
- al-Ṣāliḥ, Ṣ. I. (1984). *‘Ulūm Al-Ḥadīth Wa Muṣṭalahuh, ‘arḍ Wa Dirāsah*. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- al-Suyūṭī, ‘A. b. A. B. J. al-D. (2010). *Tadrīb Al-Rāwī Fī Sharḥ Taqrīb Al-Nawawī* (M. A. I. al-Bayānūnī, Ed.). Cairo: Dār Ṭaybah.
- al-Suyūṭī, J. al-D. ‘A. b. A. B. (n.d.). *Tafsīr Wa Bayān Ma‘a Asbāb Al-Nuzūl* (M. Hussein, Ed., Vol. 1). Beirut.
- Bāshāshir, S. b. ‘A. al-Q. (2015). *Awhām Al-Muḥaddithīn Al-Thiqāt*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi. (2024). *Prinsip-Prinsip Usul Hadith Berdasarkan Muqaddimah Sahih Muslim*. Terengganu: Beyt Atiq Enterprise (Hadith Studies).
- Fath al-Dīn Muhammad dan Sayūṭī Abd Manās. (2022). *‘Ulūm Dirāyat Matn al-Ḥadīth*, Gombak: IIUM Press.
- Hj. Sulaiman, I. (1997). *Isnad Al-Hadith Sebagai Etika Maklumat Islam: Satu Pengenalan*. Jurnal Usuluddin, 6, 51–64. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3180>.
- Ibn al-Ṣalāḥ al-Shahrazūrī, ‘U. b. ‘A. al-R. (1986). *Ma‘rifah Anwā‘ ‘ulūm Al-Ḥadīth*. Beirut, Lebanon: Dār al-Fikr al-Mu‘āshir.
- Ibn al-Ṣalāḥ al-Syahrāzūrī, ‘U. b. ‘Abd al-Raḥmān. (1986). *Ma‘rifah Anwā‘ ‘ulūm Al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āshir.
- Ibn Daqīq al-‘Īd, T. al-D. M. b. ‘A. b. W. al-Qushayrī. (2010). *Al-Iqti Rāḥ Fī Bayān Al-Iṣṭilāḥ*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, A. b. ‘A. b. M. b. A. (1995). *al-Iṣābah fī Tamyīz Al-Ṣaḥābah* (‘Ā. A. al-Mawjūd & ‘A. M. Mu‘waḍ, Eds.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Idris, M. A. , M. H. , & I. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. T.tp: UM Press.
- Jamil, K. H. B. (2019). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. By Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. In Intellectual Discourse, 28(1). Universiti Malaya.
- Kementerian Dalam Negeri. (2021). *Panduan Asas Penyemakan Sumber Dan Status Hadith* (Cetakan pertama). T.tp: Rising Fusion Sdn. Bhd.
- Mohd Farhan, M. A., Ibrahim Adham, M. R., Syed Mohd Jeffri, S. J., & Mohd Izzat, M. A. S. (2021). *Penghujahan Hadith Daif Menurut Perspektif Ulama Fiqh Dan Ulama Hadith*. Jurnal al-Ummah, 3(2021M/1443H), 77–92.
- Mohd Sobali, A., Alias, N., Mohamed Nor, Z. & Azmi, A. S. (2011). *Metodologi Pengajian Ulum Alhadith: Antara Keperluan Penghafalan Matan (Muṣṭalah Al-Hadith) Dengan Pengajaran Secara Moden*. Dalam. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman & Faisal Shah Ahmad (pnyt.). Sunnah Nabi: Realiti dan cabaran, hlm. 331-340. Kuala Lumpur:

Jabatan al-Quran & al-Hadith Universiti Malaya. Jurnal Al-Quran Dan Al-Hadith: Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD) 01.

Muhammad 'Ajjaj al-Khatib. (1985). *Al-Mukhtasar al-Wajiz Fi 'Ulum al-Hadith*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.

Muhammad 'Ajjaj al-Khatib. (1988). *al-Sunnah Qabl al-Tadwin*. Qahirah: Umm al-Qura.

Muhammad Abu Zahw. (T.th). *Al-Hadith Wa al-Muhaddithun Aw 'Inayah al-Ummah al-Islamiyyah Bi al-Sunnah al-Nabawiyyah*. T.tp: T.pt.

Muhammad Bin 'Alawi. (2003). *Al-Qawā'id al-Asāsiyah fī Ilm Muṣṭalah al-Hadīth*. Kaherah: Dār al-Hāwi.

Muslim Bin al Hajjāj. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah: Matba'ah Īsa al Bābī.

Syed Hassan, S. N., Mohd Amin, M. Z., Tawil, S. F. & Abdul Wahid, F. (2021). *Model Interaktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hadis Era Pandemik Covid-19*. Jurnal al-Sirat, 2(19), 16-23.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*